



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan
Malaysia (Pindaan) 1987**

DR.9/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 15 Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (d) subseksyen (3) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 15. Akta 319.

“(d) untuk memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut bagi maksud membeli rumah kediaman atau kenderaan, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditetapkan oleh Perbendaharaan;”.

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk membolehkan Lembaga memikul tanggungjawab bagi mengadakan pinjaman-pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia menurut suatu arahan dasar daripada Perbendaharaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1427.]

